

SAMBAR JEPUN
Japanese Paradise Flycatcher

FAMILI: Monarchidae
NAMA SAINTIFIK: *Terpsiphone atrocaudata*

CIRI-CIRI

Individu jantan sub-spesies *T.a.atrocaudata* mempunyai bentuk yang hampir sama seperti Sambar Ekor Panjang, *T.paradisi*, tetapi keseluruhan bulunya berwarna hitam, kecuali bahagian bahu sehingga punggung berwarna ungu gelap, perut dan tongkeng berwarna putih. Individu betina juga sama seperti Sambar Ekor Panjang, *T.paradisi*, tetapi bahagian atas kepala lebih pudar (kurang berkilat), kurang berbeza dengan tepi kepala dan tekak yang lebih pudar dan gelap. Bahagian dada jelas terpisah daripada perut berwarna putih, bahagian atas badan lebih pudar, ekor lebih gelap dan coklat. Sesetengah individu mempunyai bahagian atas badan yang lebih coklat keunguan. Jvenil tahun pertama hampir sama seperti individu betina, dengan tekak dan dada yang lebih coklat. Juvenil jantan pula mempunyai bahagian atas kepala, atas badan, tekak dan dada yang lebih gelap. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 17.5-20.5 sm. Ekornya boleh mencapai sehingga 23 sm.

MAKANAN

Diet utamanya terdiri daripada serangga yang diperolehi di lapisan daun.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp, paya bakau dan taman semasa migrasi, sehingga ke ketinggian 700 m dari aras laut.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.